

UMPSA Advanced laksana sistem pengambilan MUST

Sinar Harian (Komentar) 2/6/24

KUANTAN - Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) melalui anak syarikatnya, UMPSA Advanced menawarkan laluan khas kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk melanjutkan pengajian di universiti itu secara terus melalui sistem pengambilan Masuk UMPSA Secara Terus (MUST).

MUST merupakan laluan khas kemasukan pelajar ke UMPSA yang diuruskan UMPSA Advanced tanpa perlu melalui sistem Unit Pusat Universiti (UPU).

Dr Ahmad Johari Mohamad yang menjalankan fungsi Ketua Pegawai Eksekutif UMPSA Advanced berkata, sembilan program disediakan untuk lepasan SPM di UMPSA melalui MUST iaitu Program Asasi Sains dan Teknologi selama setahun.

Menurutnya, turut ditawarkan ialah program Diploma Sains Komputer, Diploma Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Diploma Kejuruteraan Mekanikal, Diploma Kejuruteraan Awam, Diploma Kejuruteraan Kimia, Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Diploma Sains Industri serta Diploma Kejuruteraan Pembuatan.

"Kelebihan pengambilan terus melalui MUST ini ialah pelajar yang layak boleh terus mendaftar program pengajian diminati berbanding melalui UPU, persaingan untuk program dikehendaki itu agak terhad.

"Cumanya melalui UPU, yuran pengajian lebih rendah kerana ia disubsidi oleh kerajaan,



AHMAD JOHARI

Berbanding pengambilan melalui MUST, ia tidak disubsidi oleh kerajaan dan yuran pengajian ada sedikit perbezaan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Jom Masuk U 2024 Zon Timur II yang disempurnakan oleh Pro Canselor UMPSA, Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanah Ibrahim Alam Shah Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al

Mustafa Billah Shah di Dewan Kompleks Sukan UMPSA, Kampus Gambang di sini pada Sabtu.

Program Jom Masuk U 2024 Zon Timur II diadakan selama dua hari, dengan UMPSA antara penaja acara tersebut yang melibatkan promosi pendidikan tinggi.

Tambah Dr Ahmad Johari, MUST merupakan peluang terbaik terutama bagi ibu bapa berkemampuan atau individu mempunyai tabungan pendidikan mencukupi untuk menyambung pengajian anak-anak mereka ke peringkat lebih tinggi.

"Malah, pelajar yang berjaya menamatkan pengajian asasi atau diploma di UMPSA berpeluang menyambung pengajian peringkat ijazah di universiti ini atau memilih program dwi (dual) ijazah dengan universiti terpilih di Jerman, China, Kazakhstan dan Korea Selatan.

"Konsep program dwi ijazah ini ialah



Dr Ahmad Johari (berdiri) meninjau aktiviti promosi di reruai UMPSA Advanced sempena Jom Masuk U 2024 Zon Timur II di Dewan Kompleks Sukan UMPSA, Kampus Gambang, Kuantan pada Sabtu.

pelajar perlu mengikuti pengajian di UMPSA untuk tempoh dua tahun pertama dan baki dua tahun lagi di universiti-universiti di empat negara berkenaan mengikut program pengajian," jelasnya.

Pada masa sama, katanya, pelajar yang menyambung pengajian di UMPSA turut berpeluang mendapatkan tajaan pendidikan program Pembangunan Bakat Muda (YTP) di bawah Majlis Amanah Rakyat (Mara).

"Sebagai sebuah universiti Rangkaian Universiti-universiti Teknikal Malaysia (MTUN) nombor satu di negara ini, kadar kebolehpasaran graduan UMPSA mencapai 96 peratus," ujarnya.

Bagi ibu bapa kepada pelajar lepasan SPM yang berminat melanjutkan pengajian anak mereka di UMPSA melalui MUST, pendaftaran boleh dibuat melalui melalui pautan <https://mycredential-b.com>.